BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 01/06/10

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1730 pada hari Jumaat, 27 Januari 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan Disember 2005
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) berkembang pada kadar tahunan 9.3% pada bulan Disember. Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan 8.6%, sementara pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat 8.7%. Pembiayaan kepada sektor swasta melalui pasaran modal, khususnya pasaran PDS, meningkat dengan ketara pada bulan Disember.

Sistem perbankan mengekalkan permodalan yang kukuh dan mencatat peningkatan seterusnya dalam kualiti aset. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) berada pada 13.1%, sementara pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.6%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 01/06/10

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1730 pada hari Jumaat, 27 Januari 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN DISEMBER 2005

Pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) berkembang pada kadar tahunan 9.3% pada bulan Disember. Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan 8.6%, sementara pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat 8.7%. Pembiayaan kepada sektor swasta melalui pasaran modal, khususnya pasaran PDS, meningkat dengan ketara pada bulan Disember.

Dana bersih yang lebih tinggi yang diperoleh melalui pasaran PDS disebabkan terutamanya oleh terbitan Cagamas MBS Berhad dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembinaan lebuh raya. Sebahagian besar daripada dana yang diperoleh melalui pasaran PDS adalah untuk pembiayaan aktiviti baru dan pembiayaan semula.

Pada tempoh 1 Disember 2005 – 26 Januari 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.97% - 3.01%, dengan purata 3%. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga secara relatif stabil. Dari segi kadar pinjaman runcit, kebanyakan institusi perbankan telah membuat pelarasan kepada kadar pinjaman asas (BLR) mereka dengan

menaikkannya sebanyak 25-30 mata asas berikutan peningkatan 30 mata asas dalam Kadar Dasar Semalaman Bank Negara Malaysia.

Pada tempoh 1 Disember 2005 – 26 Januari 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun, euro dan kebanyakan mata wang serantau.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal pada 3.5% pada bulan Disember (November: 3.5%). IHP bagi makanan, pengangkutan dan perhubungan, dan pelbagai barangan dan perkhidmatan mencatat kenaikan yang lebih tinggi pada bulan itu. Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menjadi sederhana kepada 5.4% pada bulan November.

Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sedikit, iaitu 8% pada bulan Disember, sementara wang secara kecil atau M1 meningkat 8.5%.

Sistem perbankan mengekalkan permodalan yang kukuh dan mencatat peningkatan seterusnya dalam kualiti aset. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) berada pada 13.1%, sementara pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.6%.

Kebanyakan institusi perbankan menaikkan BLR mereka

Pada tempoh 1 Disember 2005 – 26 Januari 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.97% - 3.01%, dengan purata 3%. Sementara itu, kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga secara relatif stabil. Dari segi kadar pinjaman runcit, BLR purata bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan pada akhir bulan Disember masing-masing pada 6.20% dan 7.03% (akhir bulan November 2005: masing-masing 5.98% dan 6.90%) kerana kebanyakan institusi perbankan telah membuat pelarasan kepada BLR mereka dengan menaikkannya sebanyak 25-30 mata asas berikutan peningkatan 30 mata asas dalam Kadar Dasar Semalaman Bank Negara Malaysia. Pada awal bulan Januari 2006, BLR purata syarikat kewangan menurun kepada 6.90%, berikutan penggabungan tiga syarikat kewangan dengan bank perdagangan mereka masing-masing. Berikutan penggabungan itu, kini terdapat hanya satu syarikat kewangan beroperasi di Malaysia.



Kadar antara bank semalaman purata kekal stabil



Kadar antara bank secara relatif stabil di sekitar paras baru



BNM telah mengeluarkan mudah tunai yang berlebihan daripada sistem perbankan



Kebanyakan bank perdagangan dan syarikat kewangan menaikkan BLR mereka



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan adalah lebih rendah kerana deposit sistem perbankan meningkat dengan ketara pada bulan Disember

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Dis 05	3.01	3.02	3.04	3.08	3.70
15 Jan 06	3.01	3.02	3.04	3.08	3.70

Pada 15 Januari 2006, kadar deposit tetap bank perdagangan kekal stabil

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
Dis 05	3.00	3.00	3.00	3.09	3.70
15 Jan 06	3.00	3.00	3.00	3.05	3.70

Begitu juga dengan syarikat kewangan

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan kekal negatif pada bulan Disember

Prestasi ringgit

Pada tempoh 1 Disember 2005 – 26 Januari 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun, euro, dan kebanyakan mata wang serantau. Seperti kebanyakan mata wang serantau, ringgit telah terjejas akibat perkembangan dalam mata wang negara G3. Pada tempoh tersebut, euro menambah nilai berikutan pernyataan oleh pegawai Bank Pusat Eropah bahawa bank pusat berkenaan akan membuat penambahan terhadap peningkatan 25 mata asas kadar faedah tanda aras yang dibuat pada bulan Disember. Yen juga menjadi lebih kukuh berbanding dengan ringgit, berikutan Kaji Selidik Tankan Disember 2005 yang menunjukkan peningkatan keyakinan perniagaan di Jepun. Rupiah Indonesia, baht Thai, won Korea, dolar Singapura dan peso Filipina menjadi kukuh berbanding dengan ringgit, manakala renminbi China menjadi lemah berbanding dengan ringgit.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 04	Nov. 05	Dis. 05	26 Jan. 2006	Akhir Dis. 04 - 26 Jan. 2006	Akhir Nov. 05 - 26 Jan. 2006
Dolar AS	3.8000	3.7783	3.7800	3.7480	1.4	0.8
Euro	5.1729	4.4527	4.4867	4.5907	12.7	-3.0
Paun sterling	7.3169	6.4959	6.5226	6.6906	9.4	-2.9
100 yen Jepun	3.7026	3.1628	3.2229	3.2415	14.2	-2.4
Dolar Singapura	2.3258	2.2329	2.2714	2.3121	0.6	-3.4
100 baht Thai	9.7636	9.1683	9.2049	9.6164	1.5	-4.7
100 peso Filipina	6.7706	6.9793	7.1254	7.1438	-5.2	-2.3
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0377	0.0385	0.0401	2.0	-5.9
100 won Korea	0.3671	0.3652	0.3739	0.3875	-5.2	-5.7
Renminbi China	0.4591	0.4679	0.4686	0.4650	-1.3	0.6

Inflasi tidak berubah pada bulan Disember

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal pada 3.5% pada bulan Disember (November: 3.5%). IHP bagi makanan, pengangkutan dan perhubungan, dan pelbagai barangan dan perkhidmatan mencatat kenaikan yang lebih tinggi pada bulan itu. IHP bagi pelbagai barangan dan perkhidmatan adalah lebih tinggi disebabkan kenaikan yang besar dalam harga emas baru-baru ini yang telah menyebabkan harga barang kemas meningkat. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini telah diimbangi oleh kejatuhan dalam IHP bagi pakaian dan kasut, dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam IHP bagi hiasan dalaman. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan lain dalam IHP secara relatif stabil.



Inflasi tidak berubah pada 3.5% pada bulan Disember

Inflasi harga pengeluar menjadi sederhana pada bulan November

Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menjadi sederhana kepada 5.4% pada bulan November (Oktober: 6%). Hampir semua kategori dalam IHPR mencatat kenaikan yang lebih perlahan, melainkan minuman dan tembakau serta pelbagai barangan perkilangan, yang meningkat sedikit. Tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 1.6% (Oktober: 2%).



Inflasi IHPR menjadi sederhana

Wang secara luas berkembang pada kadar pertumbuhan yang lebih perlahan sedikit

Pada bulan Disember, wang secara kecil atau M1, yang merupakan baki urus niaga, meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 8.5% (November: 7.2%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam deposit permintaan oleh sektor perniagaan. Sementara itu, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sedikit, iaitu 8% (November: 8.4%). Pada asas bulanan, tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan tuntutan terhadap sektor swasta mendorong pengembangan dalam M3. Walau bagaimanapun, ini diimbangi sebahagiannya oleh kesan penguncupan daripada operasi luaran bersih.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Nov 05**	**Dis 05**	**Jan-Dis 05**
M3	68.0	-2.0	12.3	49.7
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	2.4	7.0	-5.5
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	4.2	6.4	45.4
Pinjaman	*39.8*	*1.2*	*3.9*	*45.0*
Sekuriti	*-9.2*	*3.0*	*2.5*	*0.4*
Operasi luar negeri bersih *	82.0	-7.8	-4.7	16.4
Pengaruh lain	-28.7	-0.8	3.5	-6.6

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan Disember

Pada bulan Disember, jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat RM20 bilion, atau pada kadar tahunan 11% (November: 10.3%). Peningkatan itu disebabkan terutamanya oleh deposit institusi kewangan, perusahaan perniagaan dan individu. Peningkatan dalam deposit institusi kewangan mencerminkan penempatan dana antara bank dan deposit institusi kewangan bukan bank domestik. Sementara itu, peningkatan dalam deposit sektor perniagaan disebabkan sebahagiannya oleh pembayaran bagi projek Kerajaan sebagaimana dicerminkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan pada bulan Disember.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 05	**Okt 05**	**Nov 05**	**Dis 05**
Kerajaan Persekutuan	147	-756	-317	358
Kerajaan Negeri	-14	34	-44	-223
Badan Berkanun [1]	-99	-960	1,056	-62
Institusi Kewangan	-368	-7,213	70	11,676
Perusahaan Perniagaan	709	1,236	-287	6,345
Individu	1,281	1,680	870	2,346
Lain-lain [2]	1,950	543	-279	-445
Jumlah	3,607	-5,437	1,069	19,995

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 05	**Okt 05**	**Nov 05**	**Dis 05**
Deposit tetap	-592	-3,177	-1,820	-1,092
NID	5,333	-8,103	-1,145	6,857
Deposit permintaan	871	1,220	-310	2,748
Deposit tabungan	206	199	87	762
Perjanjian beli balik (Repo)	-5,808	3,185	1,082	7,211
Deposit mata wang asing	2,015	665	1,454	-286
Deposit SPI	1,346	-13	1,393	4,560
Lain-lain	237	587	327	-765
Jumlah	3,607	-5,437	1,069	19,995

Pembiayaan kepada sektor swasta meningkat pada bulan Disember

Pada bulan Disember, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM53.7 bilion (November: RM45.3 bilion), iaitu berkembang pada kadar tahunan 3.9% (November: 3.5%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi sebanyak RM48.8 bilion (November: RM41.1 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) berkembang pada kadar tahunan 9.3% pada bulan Disember (November: 9.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat kepada RM53.7 bilion



Kelulusan dan pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	November	Disember	November	Disember
Jumlah				
Permohonan pinjaman	23.1	22.4	7.2	1.0
Kelulusan pinjaman	14.0	16.0	10.8	6.7
Pengeluaran pinjaman	41.1	48.8	1.9	-0.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.3	5.4	9.0	8.6
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	12.8	10.8	-1.4	-6.7
Kelulusan pinjaman	7.0	8.1	15.0	4.3
Pengeluaran pinjaman	27.6	33.5	0.2	-3.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-1.6	0.8	3.9	3.0
PKS				
Permohonan pinjaman	4.0	4.2	-8.5	-8.6
Kelulusan pinjaman	2.2	2.5	-10.9	-21.8
Pengeluaran pinjaman	8.9	10.1	8.8	-2.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.5	0.4	10.0	8.7
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	10.1	11.5	21.1	14.5
Kelulusan pinjaman	6.6	7.8	1.5	9.5
Pengeluaran pinjaman	11.2	13.2	6.5	9.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.1	3.5	15.1	15.1

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh

Secara keseluruhan, pengeluaran pinjaman menurun sedikit pada asas tahunan manakala kesemua penunjuk pinjaman utama lain meningkat pada kadar yang lebih sederhana

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman kekal meliputi kesemua sektor

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan pada asas bulanan meningkat kepada RM33.5 bilion, tetapi lebih rendah pada asas tahunan sebanyak 3.7% (November: +0.2%). Pengeluaran yang lebih tinggi adalah kepada PKS dan perusahaan perniagaan lain. Mengikut sektor, peningkatan dalam pengeluaran pinjaman disumbangkan terutamanya oleh sektor perkilangan; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; pembinaan; dan bekalan elektrik, gas dan air. Permohonan dan kelulusan pinjaman kepada PKS adalah lebih tinggi pada bulan Disember.

Pinjaman terkumpul meningkat RM5.4 bilion, atau pada kadar tahunan 8.6%. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan yang lebih sederhana sebanyak 3% (November: 3.9%), dengan pinjaman terkumpul

kepada PKS meningkat 8.7% (November: 10%). Sementara itu, pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah kekal stabil pada 15.1% (November: 15.1%).

Pembiayaan sektor swasta melalui pasaran modal kekal tinggi

Pada bulan Disember, dana bersih yang lebih tinggi diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) disebabkan terutamanya oleh terbitan Cagamas MBS Berhad dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembinaan lebuh raya. Sebahagian besar daripada dana yang diperoleh melalui pasaran PDS adalah untuk pembiayaan aktiviti baru dan pembiayaan semula. Dalam pasaran ekuiti, pembiayaan dibuat terutamanya melalui terbitan hak dan tawaran awam awal. Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah RM273 juta. Hasil daripada penebusan bersih yang tinggi oleh sektor awam, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM2.4 bilion pada bulan Disember.

Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



* Termasuk nota jangka pertengahan

KLCI hanya berubah sedikit pada bulan Disember

Meskipun terdapat aktiviti pembelian saham mewah terpilih yang didorong oleh harga rendah, namun tidak terdapat petunjuk pasaran. Justeru, ini telah mengakibatkan prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) tidak banyak berubah pada bulan Disember. KLCI ditutup pada paras yang lebih tinggi sedikit, iaitu pada 899.79 (semenjak akhir bulan November: +0.4%) dengan peningkatan yang kecil dalam permodalan pasaran kepada RM695.27 bilion (semenjak akhir bulan November: +0.3%). Urus niaga purata harian pada bulan itu meningkat sedikit, iaitu pada 278.34 juta unit (November: 265.12 juta unit).



KLCI meningkat sedikit

Prestasi KLCI pada tahun 2006 bertambah baik dengan KLCI ditutup lebih tinggi pada 913.14 pada 26 Januari (semenjak akhir bulan Disember: +1.5%) dan permodalan pasaran meningkat kepada RM710.69 bilion (semenjak akhir bulan Disember: +2.2%). Dagangan meningkat dengan ketara dengan urus niaga purata harian pada 627.02 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM266.4 bilion atau bersamaan USD70.5 bilion pada 31 Disember 2005. Paras rizab ini telah turut mengambil kira pengurangan nilai rizab hasil daripada pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku keempat. Rizab berjumlah RM267.5 bilion atau bersamaan USD70.8 bilion pada 13 Januari 2006. Kedudukan rizab itu memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bagi tahun 2005 secara keseluruhan, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM12.9 bilion atau bersamaan USD3.8 bilion. Pada separuh pertama tahun 2005, penghantaran balik perolehan eksport dan pelaburan langsung asing yang kekal mantap telah diperkukuh oleh aliran masuk pelaburan portfolio yang besar. Aliran masuk dana jangka pendek yang besar sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan mengenai pertukaran dalam rejim kadar pertukaran. Aliran keluar dana ini bermula pada bulan September dan berterusan pada bulan Oktober dan November. Walau bagaimanapun, aliran keluar dana ini berkurang pada bulan Disember. Pada bulan Disember, terdapat kiriman wang biasa berikutan penghantaran balik untung yang dilakukan oleh syarikat asing pada akhir tahun.



Sistem perbankan kekal teguh dan stabil

Sistem perbankan mengekalkan permodalan yang kukuh dan mencatat peningkatan seterusnya dalam kualiti aset. Pada akhir bulan Disember 2005, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.1% dan 10.2%. Nisbah modal yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam jumlah pinjaman dan pembayaran dividen. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih menurun kepada 4.6% dan 5.8%, masing-masing berdasarkan klasifikasi 6 bulan dan 3 bulan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	2000	2001	2002	2003	Dis 04	Okt 05	Nov 05	Dis 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	10.7	10.8	10.2
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.3	13.5	13.8	13.1
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	4.7	4.7	4.6
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,836	25,143	24,658
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan kekal kukuh dan teguh …



…sementara paras NPL terus bertambah baik

Bank Negara Malaysia

27 Januari 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Okt 05		Nov 05		Dis 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		55.5	11.0	52.6	7.3	52.6	5.1
M1		123.1	12.6	119.5	7.2	124.0	8.5
M2		602.1	19.6	601.4	15.9	616.2	15.4
M3		657.0	9.8	655.1	8.4	667.3	8.0
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		671.6	11.9	672.6	10.3	692.6	11.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		551.3	9.3	552.6	9.0	558.1	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		78.9		79.0		77.5	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		87.0		87.3		85.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		26.6	10.6	23.1	7.2	22.4	1.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		17.6	13.5	14.0	10.8	16.0	6.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		48.4	16.6	41.1	1.9	48.8	-0.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		45.5	11.5	40.2	6.6	43.6	3.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.5		13.8		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.7		4.7		4.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		290.4		275.3		266.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		77.1		73.1		70.5	
Bilangan bulan import tertangguh		8.6		8.1		7.7	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		3.00		3.00	
Antarabank:	Semalaman	2.69 [2.69]		2.69 [2.69]		3.00 [3.00]	
	Seminggu	2.70 [2.73]		2.74 [2.74]		3.06 [3.04]	
	1 bulan	2.88 [2.87]		2.89 [2.89]		3.12 [3.11]	
	3 bulan	2.92 [2.91]		2.95 [2.93]		3.20 [3.15]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.01	
	3 bulan	3.00		3.00		3.02	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		6.20	
ALR bank perdagangan		5.95		5.98		6.12	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		110.3	3.3	110.7	3.5	111.0	3.5
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		167.3	6.0	162.4	5.4	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.7748		3.77825		3.7800	
Euro		4.5515		4.4527		4.4867	
Paun Sterling		6.6999		6.4959		6.5226	
100 Yen Jepun		3.2616		3.1628		3.2229	
Dolar Singapura		2.2308		2.2329		2.2714	
100 Baht Thailand		9.2576		9.1683		9.2049	
100 Peso Filipina		6.8570		6.9793		7.1254	
100 Rupiah Indonesia		0.0373		0.0377		0.0385	
100 Won Korea		0.3618		0.3652		0.3739	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	4.4		…		-3.4	
	swasta	3.8		2.0		5.7	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		910.8		896.1		899.8	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		702.7		693.0		695.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.